

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MATA PELAJARAN UMUM DI IPTS

MALAY LANGUAGE USE IN THE TEACHING AND LEARNING OF GENERAL SUBJECT IN PRIVATE HIGHER LEARNING INSTITUTIONS

Rohaidah Mashudi¹

Faculty of Applied Communication, Multimedia University, Melaka.
(Email: idah@mmu.edu.my)

Mohd Hairul Anuar Razak²

Faculty of Applied Communication, Multimedia University, Melaka.
(Email: hairul.razak@mmu.edu.my)

Hawa Rahmat³

Faculty of Applied Communication, Multimedia University, Melaka.
(Email: hawa.rahmat@mmu.edu.my)

Nor Huda Abd Hamid⁴

Faculty of Applied Communication, Multimedia University, Melaka
(Email: huda.hamid@mmu.edu.my)

Nurhazlini Rahmat⁵

Faculty of Applied Communication, Multimedia University, Melaka.
(Email: nurhazlini.rahamat@mmu.edu.my)

Azean Idruwani Idrus⁶

Department of Social Sciences, Nilai University, Nilai, Negeri Sembilan.
(Email: azean@nilai.edu.my)

J Sham Wahid⁷

Sekolah Menengah Kebangsaan Durian Daun, Melaka.
(Email: jsham1970@gmail.com)

Received date: 18-10-2019

Revised date: 03-11-2019

Accepted date: 04-11-2019

Published date: 05-12-2019

To cite this document: Rohaidah, M., Razak, M .H A., Rahmat, H., Abd Hamid, N. H., Rahmat, N., Idrus, A. I., & Wahid, J. S. (2019). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pembelajaran Mata Pelajaran Umum di IPTS. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(8), 95-108.

DOI: 10.35631/ijhpl.28007

Abstrak: Mata pelajaran umum (MPU) diperkenalkan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) sebagai mengantikan mata pelajaran wajib (MPW). Terdapat beberapa subjek yang wajib dikendalikan dalam bahasa Melayu seperti yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia seperti Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Hubungan Etnik, dan bahasa Kebangsaan A. Dalam kajian ini tumpuan diberikan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran umum ini. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti penggunaan dan pemahaman pelajar dalam pembelajaran mata pelajaran umum ini.

Soal selidik telah dijalankan dan diedarkan melalui google form yang telah dihantar dan dikongsikan dengan 366 pelajar dari pelbagai latar belakang yang berbeza. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara persepsi responden terhadap MPU dengan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran subjek MPU. Justeru, pelajar dapat memahami pengajaran dan pembelajaran MPU dalam bahasa Melayu. Hasil dapatkan kajian ini dapat dijadikan sebagai suatu langkah yang baik untuk IPTS membantu mengembalikan kegemilangan bahasa Melayu di negara ini dengan menawarkan program melalui proses pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Melayu.

Kata Kunci: Mata Pelajaran Umum, Bahasa Melayu, Persepsi

Abstract: *Mata Pelajaran Umum (MPU) or General Subject was introduced at Private Higher Learning Institutions to replace Mata Pelajaran Wajib (MPW). There are several subjects that must be handled in Malay as directed by the Ministry of Higher Education Malaysia such as Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Hubungan Etnik, dan bahasa Kebangsaan A. The focus of this study is given on the use of Malay language in the teaching and learning of the MPU. The purpose of this study is to examine the use and understanding of students in the learning of MPU. Questionnaire was conducted and distributed through google form to 366 students from different backgrounds. The findings showed that there was significant correlation between respondents' perceptions towards MPU and the use of Malay language in the teaching and learning of MPU subjects. Thus, students can understand the teaching and learning of MPU in Malay. The findings of this study can serve as a good move to IPTS to help restore the glory of the Malay language in the country by offering a program through the process of teaching and learning in Malay language.*

Key Words: *General Subject, Malay Language, Perception*

Pendahuluan

Bahasa Inggeris pada umumnya telah menjadi bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPTS kecuali beberapa subjek yang dijalankan dalam bahasa Melayu seperti yang diarahkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi. Ini adalah merupakan kesinambungan dalam usaha untuk memperkasakan bahasa Melayu dan memperkuatkan bahasa Inggeris seperti yang telah dijalankan pada peringkat sekolah. Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkuat Bahasa Inggeris (MBMMBI) seperti yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (2014) bermatlamat untuk melahirkan murid yang dapat menguasai bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dengan fasih dan yakin, ini bermakna secara tidak langsung mampu meningkatkan kebolehpasaran mereka serta memaksimumkan peluang kerjaya dalam pasaran kerja dunia. Walaupun bahasa Melayu telah memperoleh bentuknya yang mantap sejak zaman Kesultanan Melayu (Awang Sariyan, 2010), namun dalam usaha kearah memperkasakan bahasa Melayu ini terdapat keimbangan seperti yang dilontarkan oleh Mohd Rashid Hj. Md Idris (2013) bahawa kesan proses osmosis seperti pencabulan bahasa, kebudayaan dan cara hidup yang negatif menggugat kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan.

Cabarannya besar bahasa Melayu pada hari ini ialah kemampuan untuk memupuk perpaduan antara pelajar pelbagai kaum (Aminudin Mansor, 2013). Kekangan dalam penggunaan bahasa Melayu di IPTS telah menambahkan lagi kekusutan dalam meninggikan martabat bahasa Melayu di tanah airnya sendiri. Berbanding dengan usaha pihak luar seperti di China yang meletakkan bahasa Melayu dengan memperkenalkan kursus pengajian Melayu menjadi suatu

keajaiban untuk memartabatkan bahasa Melayu diperingkat global. Justeru, dengan memperkuuhkan bahasa Melayu sebagai elemen penting dalam perlumbagaan Malaysia dapat mematahkan bahasa Inggeris untuk mengambil tempat istimewa bahasa Melayu di negara ini. Isu kedudukan bahasa Melayu sentiasa dicabar oleh pelbagai pihak dalam mempersoalkan keupayaan bahasa yang pernah menjadi bahasa *lingua franca* pada zaman kegemilangan kerajaan Melayu Melaka. Bahkan seperti yang dibicarakan oleh Chew Fong Peng dan Zahari Ishak (2008) bahawa kedudukan bahasa Melayu semakin dicabar oleh bahasa Inggeris dalam era globalisasi ini. Bahasa Inggeris menjadi medium utama dalam pelbagai acara rasmi dan tidak rasmi kerana sikap masyarakat yang meletakkan bahasa ini di tempat pertama berbanding bahasa Melayu. Bahkan penggunaan bahasa Melayu turut diperlekehkan dengan keceluaran penutur berkomunikasi dalam bahasa Melayu rojak. Menurut Awang Sariyan (2010) walaupun memperlihatkan kemajuan dalam penguasaan sistem bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, penjawat awam dan masyarakat umumnya, namun ini ternyata masih belum mencapai tahap yang cukup memuaskan jika diukur daripada sudut penggunaan “bahasa Melayu tinggi”. Ini kerana masyarakat Malaysia ramai yang berbahasa Melayu tetapi pada tahap bahasa rojak. Justeru, pelbagai pihak seharusnya mengambil bahagian dalam memperkuuhkan kedudukan bahasa Melayu. Ini adalah demi kelangsungan bahasa Melayu maka semua pihak perlu bekerjasama menghormati dan menjulang bahasa Melayu pada peringkat yang lebih tinggi (Jaafar Jambi, 2008).

Mata Pelajaran Umum di Institusi Pengajian Tinggi Swasta

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran pengajian umum di IPTS merupakan sebahagian subjek wajib lulus sebelum pelajar menamatkan pengajian dan menerima sijil atau diploma atau ijazah mereka. Pelajar yang mengikuti program peringkat sarjana, kedoktoran, kursus jangka pendek, program bukan penamat, program asasi dan kursus professional dan iktisas adalah dikecualikan daripada mengambil mata pelajaran pengajian umum ini. Dengan berteraskan cabang falsafah ilmu yang melibatkan bidang keilmuan kajian kemanusiaan, sains tulen dan sains sosial, mata pelajaran pengajian umum (MPU) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sebagai mengantikan mata pelajaran wajib (MPW).

Penawaran subjek MPU di Universiti Multimedia adalah mengikut 3 jam kredit untuk kelompok kursus U1, U2 dan U3 yang melibatkan pengajian peringkat sarjana muda. Walaupun bagaimanapun diperingkat diploma 2 jam kredit dikhususkan untuk MPU dalam kelompok U2 dan U3. Manakala kelompok kursus MPU U4 hanya melibatkan 2 jam kredit sahaja sama ada di peringkat Diploma atau Sarjana Muda mengikut ketetapan pihak KPT. Walaupun bahasa Inggeris menjadi medium utama dalam pengajaran dan pembelajaran kursus yang ditawarkan di Universiti Multimedia (MMU) namun adalah menjadi satu keperluan wajib dalam kalangan pensyarah yang mengendalikan pengajaran dan pembelajaran subjek MPU agar disampaikan kepada pelajar menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu. Keperluan ini telah dinyatakan dengan jelas oleh pihak KPM melalui buku garis panduan mata pelajaran umum edisi kedua (2016) apabila subjek MPU diwajibkan untuk ditawarkan di IPTS. Ini terutamanya subjek MPU dalam kelompok kategori 1 iaitu merangkumi subjek Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS), Hubungan Etnik dan bahasa Melayu Komunikasi 1 dan bahasa Melayu Komunikasi 2. Subjek yang berada dalam kelompok 2 pula hanya melibatkan bahasa Kebangsaan A sahaja. Pengajaran dan pembelajaran subjek MPU di MMU yang dikendalikan dalam bahasa Melayu hanya meliputi subjek dalam kelompok 1 dan kelompok 2 sahaja.

Mata pelajaran umum yang ditawarkan di Universiti Multimedia untuk peringkat diploma dan sarjana muda mengikut kategori adalah seperti berikut;

Jadual 1: Mata Pelajaran Pengajian UMUM di Universiti Multimedia

Kategori	Subjek	Bahasa Pengantar			
		Diploma	Sarjana Muda	Bahasa Melayu	Bahasa Inggeris
U1	Tidak di tawarkan	Hubungan Etnik		√	
	Tidak di tawarkan	Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS)		√	
	Bahasa Melayu Komunikasi 1	Bahasa Melayu Komunikasi 2		√	
	Pengajian Malaysia 2	Pengajian Malaysia 3			√
U2	Bahasa Kebangsaan A (wajib untuk pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit bahasa Melayu SPM) Melayu SPM)	Bahasa Kebangsaan A (wajib untuk pelajar warganegara yang tidak mendapat kredit bahasa Melayu SPM)		√	
	French for Beginners	French for Beginners			√
	Tidak di tawarkan	Arabic For Beginners		√	
	Tidak di tawarkan	Spanish For Beginners		√	
	Chinese For Beginners	Chinese For Beginners		√	
	Japanese For Beginners	Japanese For Beginners		√	
	Korean For Beginners	Korean For Beginners		√	
	Tidak di tawarkan	German For Beginners		√	
	Tidak di tawarkan	The Practice Of Leadership		√	
	Grooming and Professional Etiquette	Image Management for Professionals		√	
	Basic Academic English	Event Planning and Management		√	
U3	Fundamental of Islamic Leadership in Malaysia	Islamic Institution in Malaysia		√	

	Introduction to Cultural Practices in Malaysia	Introduction to Multicultural Studies in Malaysia	√
	Family and Society in Malaysia	Stress and Well-Being Among Malaysians	√
	Tidak di tawarkan	Business and Entreprenuership in Malaysia	√
U4	Tidak di tawarkan	Public Speaking	√
	Tidak di tawarkan	Introduction to Short Stories	√
	Korean Culture and Communication	Korean Culture and Communication	√
	French Culture and Communication	French Culture and Communication	√
	Spanish Culture and Communication	Spanish Culture and Communication	√
	Chinese Culture and Communication	Chinese Culture and Communication	√
	Japanese Culture and Communication	Japanese Culture and Communication	√
	Arabic Culture and Communication	Arabic Culture and Communication	√
	Personal Social Responsibility	Personal Social Responsibility	√

Berdasarkan jadual 1 di atas dapat diperhatikan bahawa hanya terdapat lima subjek sahaja iaitu TITAS, Hubungan Etnik, bahasa Melayu Komunikasi 1, bahasa Melayu Komunikasi 2 di bawah kategori U1 dan bahasa kebangsaan A di bawah kategori U2 yang dikendalikan dalam bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran di Universiti Multimedia mengikut garis panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi. Manakala subjek Pengajian Malaysia 2 dan Pengajian Malaysia 3 di bawah kategori U1 dan semua subjek dalam kategori U2, U3 dan U4 seperti yang digariskan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi bahawa pihak universiti boleh memilih sama ada dikendalikan dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Oleh yang demikian, berdasarkan kesesuaian dan penyelarasan pihak Universiti Multimedia telah mengambil pendekatan dengan mengendalikan mata pelajaran umum dalam ketiga-tiga kategori tersebut melalui medium bahasa Inggeris dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, melalui jadual di atas juga dapat diperhatikan subjek dalam kategori U2, U3 dan U4 adalah subjek-subjek yang telah ditetapkan oleh Universiti Multimedia, kecuali bahasa Kebangsaan A seperti yang terkandung dalam garis panduan MPU diwajibkan kepada pelajar warganegara Malaysia yang tidak mendapat kredit dalam bahasa Melayu peringkat SPM (Sijil Pelajaran Malaysia)

Objektif

Dalam kajian ini penelitian dan perbincangan dilakukan dengan memberi tumpuan kepada beberapa objektif iaitu;

- i. Untuk memahami persepsi pelajar terhadap mata pelajaran umum
- ii. Untuk meneliti penggunaan dan pemahaman pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran MPU melalui bahasa Melayu

Sorotan Literatur

Pembelajaran MPU umum dalam bahasa Melayu memberi kesan yang mendalam dalam membina jati diri pelajar. Ini bukan sahaja melihat kandungan kursus MPU tersebut malah penyampaian pengajaran dalam bahasa Melayu secara tidak langsung dapat memberi kesan terhadap jiwa para pelajar. Jika melalui pengajaran dan pembelajaran bahasa Cina dapat menggalakkan interaksi pelajar berbilang kaum (Lau Su Kia. et al., 2012). Oleh demikian adalah tidak mustahil dengan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran MPU di IPTS juga dapat dilihat sebagai satu usaha dalam mempertingkatkan interaksi pelajar pelbagai bangsa.

Sikap individu terutama dalam kalangan penutur asli bahasa Melayu yang memberi tanggapan bahawa bahasa ini adalah bahasa yang mudah telah menjaskankan kredibiliti bahasa Melayu sama ada di peringkat dalam negara atau luar negara. Bahkan dalam kajian Mohd Rashid Hj. Md Idris (2013) menyatakan bahawa sikap pelajar itu sendiri yang menganggap bahasa Melayu itu mudah, pelajar sering beranggapan sedemikian kerana bahasa Melayu itu bahasa pertuturan mereka seharian. Mentaliti penutur asli bahasa Melayu yang terlalu negatif terhadap keupayaan bahasa ini dalam mendepani permasalahan globalisasi hanya mendedahkan kepincangan yang mereka cipta sendiri. Dengan demikian, melalui pendidikan kita mengharapkan dapat mengubah pandangan serong generasi muda pada hari ini terhadap nilai bahasa Melayu.

Namun demikian dalam kajian Zaliza Mohamad Nasir dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2014) terhadap penutur asing yang mempelajari bahasa Melayu memperlihatkan situasi yang sebaliknya. Ini kerana pelajar asing menunjukkan sikap yang positif dalam mempelajari bahasa Melayu. Malah pelajar ini juga mampu mempamerkan motivasi yang tinggi dalam usaha mereka untuk mendalami dan mempelajari bahasa Melayu dalam proses pembelajaran. Tenaga pengajar dikatakan banyak membantu dalam meningkatkan motivasi pelajar asing ini sepanjang mempelajari bahasa Melayu. Ini berbeza dengan masyarakat tempatan yang kurang selesa untuk berkomunikasi dalam bahasa Melayu dengan pelajar asing.

Memperkuatkan kedudukan bahasa Melayu bukan hanya menjadi tugas kepada generasi yang akan datang. Pada suatu ketika dulu tanggungjawab ini telah dipikul oleh pelbagai lapisan masyarakat dengan tidak mengambil kira peringkat umur demi meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sewajarnya berbanding bahasa asing. Namun demikian, menurut Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim dan Ku Hasnita Ku Samsu (2017) isu pemartabatan bahasa kebangsaan di Malaysia masih berterusan sehingga kini sama ada di peringkat pembuat dasar sehingga rakyat jelata. Malahan dalam kajian beliau mendapati bahawa bahasa kebangsaan ini masih belum mencapai tahap pemartabatan bahasa dalam kalangan pelajar IPT. Ini kerana pelajar seharusnya mampu menambah nilai estetika keindahan berbahasa yang dapat memperlihatkan bahawa bahasa ini memiliki ketinggian martabatnya yang tersendiri dan bukan sekadar fasih dipertuturkan serta mengiktiraf bahasa ini sebagai bahasa kebangsaan sahaja.

Selain itu, Fariza Md. Sham et al (2018) dalam kajiannya terhadap penggunaan bahasa Melayu di UKM menunjukkan bahawa penggunaan bahasa ini masih belum dilaksanakan sepenuhnya dalam urusan rasmi dan komunikasi di universiti tersebut. Bahkan telah dicadangkan agar terdapat penyediaan Garis Panduan Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan Pentadbiran di UKM yang dikatakan sebagai suatu keperluan dalam mencari mekanisme

memartabatkan bahasa Melayu. Namun begitu, seharusnya adalah tidak menjadi satu kemestian untuk kita yang telah meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan masih memerlukan perkara yang sedemikian.

Metodologi

Kajian ini dijalankan melalui soal selidik yang dihantar kepada responden melalui perkongsian *google form*. Instrumen dalam soal selidik telah dibina berdasarkan sorotan literatur sebagai memenuhi tujuan kajian. Terdapat 3 instrumen yang terdiri daripada;

- i. Bahagian A: Latar belakang responden
- ii. Bahagian B: Persepsi responden terhadap MPU
- iii. Bahagian C: Penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran MPU

Dalam soal selidik ini, Bahagian A merupakan instrumen yang mempunyai perkaitan tentang demografi responden iaitu seperti maklumat tentang umur, jantina dan kumpulan etnik. Selain itu dalam bahagian ini juga aspek latar belakang pendidikan responden iaitu dari segi pendidikan peringkat sekolah dan pendidikan atau kelulusan tertinggi responden turut dianalisis sebagai perkaitan dan perbincangan terhadap instrumen dalam Bahagian B, dan Bahagian C.

Soal selidik menggunakan jawapan berbentuk skala likert 5 tahap (5 mewakili sangat setuju, 4 mewakili setuju, 3 mewakili tidak pasti, 2 mewakili tidak setuju, 1 mewakili sangat tidak setuju). Oleh demikian, dalam Bahagian B dan Bahagian C, instrumen ini diukur dengan menggunakan skala likert 1 hingga 5. Manakala analisis data yang digunakan adalah analisis berbentuk deskriptif. Data diuraikan menggunakan nilai min, kekerapan, peratusan dan pengukuran tahap. Selain itu, perkaitan antara semua pemboleh ubah diteliti berdasarkan korelasi yang diperoleh dalam kajian ini.

Respondan Kajian

Responden yang dipilih adalah dalam kalangan pelajar yang telah dan sedang mengikuti kelas subjek MPU iaitu seramai 366 orang yang merangkumi ketiga-tiga kampus iaitu kampus Melaka, Cyberjaya dan Iskandar Puteri. Jumlah pelajar Universiti Multimedia setakat Disember 2017 ialah 15,565 orang pelajar. Terdapat 10 fakulti di Universiti Multimedia iaitu 4 fakulti di kampus Melaka, 5 fakulti di kampus Cyberjaya dan satu fakulti di kampus Iskandar Puteri. Manakala responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik iaitu Cina 74.3%, Melayu 9.3 %, India 13.1 % dan etnik lain 3.3 %. Dari segi latar belakang tempat tinggal responden merupakan pelajar yang datang dari kawasan bandar, kampung dan pinggir bandar yang mempunyai sifat kawasan kediaman dengan pelbagai etnik dan satu etnik.

Selain itu dari segi latar belakang pendidikan pula terdapat 66.7 % pelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah kebangsaan, 27.9 % pelajar dari sekolah jenis kebangsaan Cina, 1.1 % pelajar dari sekolah jenis kebangsaan Tamil dan 4.4 % pelajar dari aliran lain. Justeru, latar belakang pendidikan pelajar ini adalah mempunyai perkaitan dengan kelulusan atau pendidikan tinggi yang diperoleh, ini dapat diperhatikan dalam jadual di bawah;

Jadual 2: Demografi Berasaskan Pendidikan/ Kelulusan Tertinggi yang Diperoleh

Kelulusan	Responden	Peratus
------------------	------------------	----------------

Diploma	94	25.7
Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)	42	11.5
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)	98	26.8
Lain-lain	132	36.1

Berdasarkan jadual 2 di atas, dapat diperhatikan jumlah tertinggi yang dapat diperhatikan dari segi kelulusan tertinggi yang diperoleh oleh kalangan pelajar adalah dalam kategori lain-lain iaitu seramai 132 respondan (36.1 %). Jumlah tertinggi ini adalah dalam kalangan pelajar yang diterima masuk ke MMU berdasarkan kelulusan daripada Sijil Peperiksaan Bersama (*Unified Examination Certificate - UEC*), O-level dan A-level. Manakala kelulusan peringkat SPM yang menunjukkan jumlah ke-2 tinggi iaitu seramai 98 responden (26.8%) merupakan pelajar yang telah diterima masuk ke MMU semasa peringkat asasi (foundation) dan diploma. Kebanyakan pelajar lepasan asasi dan diploma yang layak telah menyambung pelajaran di MMU ke peringkat ijazah. Selain itu, seramai 98 responden (25.7%) adalah pelajar dari lulusan diploma dari institusi pengajian tinggi lain. Pelajar lulusan diploma ini sebahagian layak untuk mendapatkan pindahan kredit (*credit transfer*) untuk subjek tertentu yang turut ditawarkan di kedua-dua institusi. Responden yang berkelulusan STPM iaitu seramai 98 orang (26.8 %) adalah pelajar dari aliran sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan dan sekolah aliran agama.

Analisis Pembelajaran MPU dalam Bahasa Melayu

Pengajaran dan pembelajaran MPU dalam bahasa Melayu melibatkan subjek TITAS, Hubungan Etnik, dan bahasa Kebangsaan A yang merupakan subjek yang perlu diambil oleh pelajar tempatan. Analisis pembelajaran MPU dalam bahasa Melayu dilakukan melalui 2 intrumen iaitu;

- i. Persepsi Responden terhadap MPU
- ii. Penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran MPU

Instrumen berkaitan persepsi responden terhadap MPU mempunyai 17 item. Melalui soal selidik yang telah dikemukakan kepada para pelajar, dapat diperhatikan berdasarkan analisis terhadap persepsi responden terhadap MPU dari segi peratus, min dan sisihan piawai seperti dalam jadual di bawah;

Jadual 3: Persepsi Responden terhadap MPU

Bil.	Perkara	Sangat Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min (SP)	Tahap
		%	%	%	%	%		
1	Mata Pelajaran Umum seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu membuatkan saya rasa bangsa sebagai rakyat Malaysia	1.1	4.4	21.3	53	20.2	3.87 (0.820)	Tinggi
2	Mata Pelajaran Umum seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu mengajar saya untuk berjasa kepada negara	1.1	4.9	24	52.5	17.5	3.80 (0.821)	Tinggi
3	Mata Pelajaran Umum seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu mengajar saya erti perpaduan	1.6	2.7	16.4	54.4	27.9	4.01 (0.837)	Tinggi
4	Mata Pelajaran Umum seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu dilaksanakan oleh universiti memberikan semangat untuk lebih sayangkan negara	1.1	3.8	24	52.5	18.6	3.84 (0.808)	Tinggi
5	Mata Pelajaran Umum seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu menerapkan semangat patriotisme kepada pelajar	1.1	3.8	24	48.6	22.4	3.87 (0.838)	Tinggi
6	Saya mengetahui tentang patriotisme dan nasionalisme	0.5	3.8	15.3	55.2	25.1	4.01 (0.780)	Tinggi
7	Saya berpandangan positif terhadap aktiviti kenegaraan dan patriotik	0.5	1.1	23	50.8	24.6	3.98 (0.755)	Tinggi
8	Saya bersedia untuk berdikari dan berbakti kepada negara	0.5	2.2	20.2	54.6	22.4	3.96 (0.750)	Tinggi
9	Saya adalah seorang yang berfikiran positif terhadap negara saya	0.5	3.3	23.5	50.8	21.9	3.90 (0.791)	Tinggi
10	Saya bersedia menjaga keselamatan negara	1.1	2.7	23.5	54.1	18.6	3.86 (0.782)	Tinggi

11	Masalah negara adalah masalah saya	1.1	6.6	32.2	44.3	15.8	3.67 (0.85 8)	Sederhana
12	Saya suka berkawan dengan mereka yang pelbagai kaum	0	1.6	15.8	45.4	37.2	4.18 (0.75 1)	Tinggi
13	Saya bersedia menyertai dan mengikuti apa jua aktiviti pembinaan negara bangsa dan kenegaraan	1.1	0.5	30.6	45.4	22.4	3.87 (0.79 8)	Tinggi
14	Penglibatan kaum lain dalam aktiviti kelas menunjukkan kesan yang positif	0.5	1.6	20.2	51.4	26.2	4.01 (0.76 2)	Tinggi
15	Saya suka untuk memilih kawan yang berlainan kaum dalam membentuk kumpulan tugasan	0	1.6	25.7	44.3	28.4	3.99 (0.78 0)	Tinggi
16	Meningkatkan kemahiran saya berfikir secara kritis	0	1.6	25.7	49.7	23	3.94 (0.74 1)	Tinggi
17	Meningkatkan persafahaman saya tentang kaum lain	0	1.6	17.5	51.4	29.5	4.09 (0.72 8)	Tinggi

Jadual 3 secara keseluruhan jelas menunjukkan dalam instrumen ini setiap item menunjukkan nilai tahap yang tinggi kecuali dalam item 11 iaitu Masalah negara adalah masalah saya hanya pada tahap sederhana. Instrumen berkenaan persepsi responden terhadap MPU menunjukkan min tertinggi pada item 12 iaitu 4.18 dengan sisihan piawai 0.751. Ini menunjukkan bahawa pelajar suka untuk berkawan dalam kalangan pelajar pelbagai kaum iaitu sebanyak 45.4 peratus bersetuju dan 37.2 peratus sangat bersetuju. Bahkan ini selari dengan kajian oleh Suzana Sulaiman (2013) bahawa Pelajar menunjukkan kecenderungan untuk memberikan persepsi yang lebih positif terhadap hubungan antara etnik dalam menjalani kehidupan seharian.

Nilai min tertinggi ini diikuti dengan nilai min pada kelompok nilai min 4 ke atas iaitu merujuk kepada item 3, 6, 14, dan 17. Sebaliknya nilai min terendah adalah pada item 2 iaitu Mata Pelajaran Umum seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu mengajar saya untuk berjasa kepada negara dengan min 3.80 dan sisihan piawai 0.82. Berdasarkan nilai min ini menunjukkan bahawa pelajar tidak meletakkan dengan hanya belajar MPU mereka dapat belajar untuk berjasa kepada negara bahkan ini dapat juga dipelajari melalui kursus-kursus lain. Manakala item 1, 5 dan 13 menunjukkan min yang sama iaitu 3.87 dengan sisihan piawai yang berbeza iaitu 0.820, 0.838 dan 0.798. Dalam item 1 memaparkan bahawa 73.2 peratus pelajar bersetuju dan sangat bersetuju bahawa MPU seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu membuatkan pelajar rasa bangsa sebagai rakyat Malaysia. Peratus setuju dan sangat setuju untuk item 5 pula menunjukkan sebanyak 71 peratus iaitu melalui MPU seperti TITAS, Hubungan Etnik dan bahasa Melayu bahawa semangat patriotisme dapat diterapkan kepada pelajar. Di samping itu pula dalam item 13 iaitu saya bersedia menyertai dan mengikuti apa jua aktiviti pembinaan negara bangsa dan kenegaraan menunjukkan 67.8 peratus bersetuju dan sangat setuju. Ini kerana menurut Ku Hasnita Ku Samsu dan Mohd Haizam Mohd Nor (2011) sekiranya para pelajar belajar dengan penuh penghayatan dan minat terhadap subjek-subjek

sebegini, pelajar akan menyedari kepentingan konsep persefahaman dan penyatuan yang mesti ada dalam jiwa masyarakat Malaysia.

Instrumen berkaitan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran mempunyai 7 item. Item yang terdapat dalam instrumen ini adalah untuk mendapatkan maklumat dari kalangan pelajar terhadap pengendalian MPU oleh pensyarah dan pembelajaran MPU dalam bahasa Melayu. Melalui soal selidik yang telah dikemukakan kepada para pelajar, daptan yang diperoleh melalui analisis terhadap responden dilihat dari segi peratus, min dan sisihan piawai seperti dalam jadual di bawah;

Jadual 4: Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran MPU

Bil.	Perkara	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Min (SP)	Tahap
		%	%	%	%	%		
1	Pensyarah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya di dalam kelas	4.4	11.5	35.5	35.5	13.1	3.42 (1.000)	Sederhana
2	Nota dan bahan mengajar disediakan oleh pensyarah dalam bahasa Melayu	6	14.2	30.1	30.1	19.7	3.43 (1.135)	Sederhana
3	Buku rujukan yang dicadangkan oleh pensyarah dalam bahasa Melayu adalah bersesuaian	4.4	10.4	28.4	38.8	18	3.56 (1.039)	Sederhana
4	Saya berpendapat subjek yang menggunakan Bahasa Melayu lebih senang difahami	6	13.7	33.9	27.9	18.6	3.39 (1.117)	Sederhana
5	Buku dalam bahasa Melayu banyak disediakan di perpustakaan	6	7.7	44.8	28.4	13.1	3.35 (1.003)	Sederhana
6	Pelajar hanya dibenarkan menggunakan bahasa Melayu di dalam kelas	13.7	19.1	30.6	22.4	14.2	3.04 (1.238)	Sederhana
7	Bahasa Melayu digunakan dalam menyiapkan tugas seperti	6.6	15.8	32.2	31.7	13.7	3.30 (1.094)	Sederhana

	kertas kerja, persembahan, latihan dan kuiz.						
--	--	--	--	--	--	--	--

Jadual 4 menunjukkan bahawa min tertinggi dalam instrumen penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran MPU adalah pada item 3 tentang buku rujukan yang dicadangkan oleh pensyarah dalam bahasa Melayu adalah bersesuaian iaitu 3.56 peratus dengan sisihan piawai 1.039. Manakala min terendah 3.04 dengan sisihan piawai 1.238 pada item 6 iaitu pelajar hanya dibenarkan menggunakan bahasa Melayu di dalam kelas. Ini kerana pelajar lebih gemar untuk menggunakan bahasa Inggeris berbanding bahasa Melayu sama ada dengan pensyarah atau dengan rakan sekelas. Bahkan terdapat sebilangan pelajar yang menggunakan bahasa ibunda mereka semasa berbincang atau berbual dengan rakan sekelas walaupun bahasa Melayu digunakan sepenuhnya dalam pengendalian kelas MPU. Bahkan dari segi penilaian sama ada dari kerja kursus dan peperiksaan akhir pelajar perlu melakukan tugas dalam bahasa Melayu dan menjawab soalan peperiksaan dalam bahasa Melayu. Ini dapat diperhatikan dalam item 7 iaitu bahasa Melayu digunakan dalam menyiapkan tugas seperti kertas kerja, persembahan, latihan dan kuiz yang menunjukkan min 3.30 dengan sisihan piawai 1.094.

Manakala dalam item 1 iaitu pensyarah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya di dalam kelas berada pada nilai min 3.42 dengan sisihan piawai 1.0. Ini memperlihatkan bahawa pelajar mengakui bahawa pensyarah benar-benar mengendalikan kelas MPU dalam bahasa Melayu. Namun sekiranya ada keperluan bahasa Inggeris digunakan sebagai cara untuk memastikan pelajar dapat memahami setiap kandungan kursus.

Di samping itu, dalam item 2 iaitu nota dan bahan mengajar disediakan oleh pensyarah dalam bahasa Melayu mempunyai nilai min pada nilai 3.43 dengan sisihan piawai 1.135. Item 2 dan 3 mempunyai perkaitan iaitu dari segi bahan mengajar dan bahan rujukan dalam bahasa Melayu yang disediakan oleh pensyarah. Item 5 pula yang menunjukkan nilai min 3.35 dengan sisihan piawai 1.003 juga ada perkaitan dengan item 2 dan 3 iaitu tentang buku dalam bahasa Melayu yang banyak disediakan oleh perpustakaan. Kesesuaian bahan mengajar dan rujukan dalam bahasa Melayu adalah sebagai langkah dalam memastikan menepati arahan daripada pihak Kementerian Pengajian Tinggi.

Di samping itu, berdasarkan jadual 2 dalam item 4 menunjukkan sikap positif pelajar terhadap pembelajaran dalam bahasa Melayu. Pada nilai min 3.39 dan sisihan piawai 1.117 untuk item 4 ini memberi petunjuk tentang penerimaan pelajar terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam pembelajaran MPU.

Berdasarkan kepada penelitian terhadap dua instrumen iaitu persepsi pelajar terhadap MPU dan penggunaan bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran MPU telah menunjukkan hubungan yang signifikan pada aras $p<0.001$. Ini menunjukkan bahawa pelajar memberi pandangan yang positif dalam penggunaan bahasa Melayu semasa pengajaran dan pembelajaran MPU.

Kesimpulan

Hasil kajian menunjukkan bahawa adalah tidak menjadi halangan untuk IPTS di Malaysia mengorak langkah baru dengan mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Melayu. Justeru, usaha pihak Kementerian Pendidikan Tinggi mewajibkan penggunaan bahasa

Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran MPU merupakan satu inisiatif yang sangat berkeyakinan selari dengan kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan. Bahkan bahasa Melayu masih mampu untuk menjadi bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran MPU walaupun Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim dan Ku Hasnita Ku Samsu (2017) telah memberi interpretasi bahawa generasi muda mulai hilang identiti nasional berdasarkan bahasa. Kedudukan bahasa Melayu dalam perlembagaan seharusnya tidak menjadi bahan untuk dicabar oleh mana-mana pihak kerana keupayaan bahasa ini dalam pengajaran dan pembelajaran tetap relevan mengikut zaman.

Justeru, pemerkasaan bahasa Melayu perlu dilakukan setiap masa tidak mengira tempat, masa dan golongan kerana dalam era teknologi maklumat terlalu banyak cabaran yang dihadapi oleh bahasa Melayu. Sikap masyarakat juga menjadi punca utama kepada kemerosotan identiti bahasa Melayu. Malah pada hari ini kuasa politik menguasai dan mencabar kedaulatan bahasa Melayu dalam perlembagaan. Kelangsungan kepada penguasaan politik dalam pelbagai aspek membawa pengaruh kepada masyarakat untuk berani mencabar suatu isu seperti penggunaan bahasa Melayu. Institusi pengajian tinggi merupakan medan yang terbaik dalam memberi peringatan kepada semua golongan masyarakat terutama golongan muda yang dilihat mampu untuk meledakkan kedudukan bahasa Melayu pada tempat yang tertinggi sebagai pengukuhan identiti negara.

Di samping itu juga, langkah drastik dan dinamik perlu dilakukan oleh pihak tertentu terutamanya pihak yang berada di barisan kepemimpinan yang mempunyai kuasa besar untuk menggembungkan tenaga kearah demi menjunjung bahasa Melayu pada kedudukan yang sewajarnya. Ini bukan merupakan suatu titik permulaan tapi menjadi suatu peringatan kepada barisan kepemimpinan muda yang ada pada hari ini untuk memperkuuhkan bahasa Melayu dalam perlembagaan tanpa ada pihak yang berani untuk mencabar.

Penghargaan

Kajian ini atas biayaan daripada MMU (Universiti Multimedia) *mini fund* (MMUI/170046)

Rujukan

- Abdul Rashid Abdul Halim et al. (2015). Active Learning Approach: An Innovation in Teaching MPU Subjects in UniKL MSI. Conference Paper: UniKL SDCL Symposium, At Avilion Admiral Cove, Port Dickson. Malaysia, Volume: 1.
- Awang Sariyan. (2010) Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Dalam Pembinaan Negara Bangsa. Syarahan Bahasa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur dan IPG Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang pada 25 Februari.
- Faridah Che Husain & Fakhruладabi Abdul Kadir. (2012). Sumbangan Pengajian Kursus Tamadun Islam dan Tamadun Asia (TITAS) terhadap Pembentukan Hati Budi Mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Malaysia. *Jurnal Al-Tamaddun* Bil. 7(1): 15-35
- Fariza Md. Sham, Rohana Tan, Mohd Najib Adun, Azmah Ishak, Hamidah Erman, Rohazaini Hasan, Siti Noraida Sood, & Harun Bintang. (2018). Penggunaan Bahasa Melayu dalam Pengurusan dan Pentadbiran di Universiti Kebangsaan Malaysia. GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 18(1), February.
- Chew Fong Peng & Zahari Ishak. (2008). Tahap Penggunaan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dalam Kalangan Mahasiswa/ i IPTA dan IPTS dalam Sistem Pendidikan Negara. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 19.
- Jaafar Jambi. (2008). Cabaran dan Proses Pemantapan Bahasa Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 19, 2008

- Jabatan Pendidikan Tinggi. (2016). Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Edisi kedua. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Tinggi.
- Ku Hasnita Ku Samsu & Mohd Haizam Mohd Nor. (2011). Kepentingan Pendidikan Patriotisme Terhadap Warganegara Malaysia. *Jati, Vol., 16, December*, 23-34
- Lau Su Kia. et al. (2012). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Cina Dalam Menggalakkan Interaksi Pelajar Berbilang Kaum. *GEMA Online Journal of Language Studies. Volume 12(3)*: 979-997.
- Mohd Rashid Hj. Md Idris. (2013). Memartabatkan Bahasa Melayu Melalui Pendidikan dan Mendepani Cabaran Globalisasi. Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. 207-222.
- Muhamad Rahimi Osman. (2010). Peranan Kursus Pengajian Umum dalam Pembangunan Kemahiran Insaniah: Pengalaman UiTM. *MALIM - SEA Journal of General Studies 11*.
- Siti Nor Azhani Mohd Tohar, Adlina Ab Halim & Ku Hasnita Ku Samsu. (2017). Pengukuran Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam kalangan Mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi. *GEMA Online® Journal of Language Studies Volume 17(2)*. 105 – 122.
- Suzana Sulaiman. (2013). Perpaduan Pelajar Pelbagai Etnik: Kehidupan Seharian Pelajar Program Diploma Tahun Dua, Sesi Pengajian 2012/2013, Universiti Malaysia Perlis. Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013. 4-5 June 2013, Penang, MALAYSIA.
- Zaliza Mohamad Nasir & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2014). Sikap dan Motivasi Pelajar terhadap Pembelajaran Bahasa Melayu. *Procedia - Social and Behavioral Sciences 134*: 408 – 415.
- Zamri Mahamod, Celinea anak Lasan, & Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff. (2009). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta di Negeri Sarawak. *AJTLHE, Vol.1 No.1*: 8-25.
- Zarina Muhammad, Jayum Jawan, Zaid Ahmad & Normala Othman. (2010). Kesan Penawaran Kursus Umum Universiti ke atas Pelajar-pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. *MALIM - SEA Journal of General Studies 11*.